

NADRAH - ANAK ANGKAT YANG MENGGEMPARKAN

(Oleh Ahmad Lutfi)

Perkara Nadrah anak angkat Che Aminah yang asalnya anak seorang Sarjan Belanda itu adalah menjadi suatu perkara yang sangat-sangat mengemparkan. Nadrah itu telah diberikan, menurut keterangan Che Aminah kepadanya di Jawa di dalam masa hampir Belanda menyerah kepada Jepun pada tahun 1942 dahulu. Menurut Che Aminah bahawa Nadrah itu adalah suatu anak yang tidak disayangi oleh kedua ibu bapanya dan oleh sebab itulah ia diberikan kepadanya sehingga akhirnya Nadrah telah dibawa olehnya ke Kemaman (Terengganu). Apabila Jepun telah menyerah maka khabarnya, mengikut pengakuan ibu bapa Nadrah, ia telah mencari anaknya menerusi Sengkang Merah dan akhirnya Konsul Belanda Singapura ini telah mendapat tau akan adanya Nadrah itu di Kemaman dan oleh yang demikian ia telah diminta datang ke Singapura ini dan kemudian Konsul itu menuntut kepada mahkamah supaya Nadrah itu diserahkan kepadanya supaya dibalikkan kepada ibu bapanya di negara Belanda. Permohonan Konsul Belanda itu telah dibicarakan di dalam mahkamah yang tertutup dan akhirnya pada hari Jumaat 19 Mei 1950 Tuan Hakim Besar telah memerintahkan supaya Nadrah itu diserahkan kepada Konsul Belanda yang kemudian akan mencadangkan supaya Nadrah itu dihantarkan kepada ibu bapanya di Holland.

Setelah keputusan itu diisytiharkan maka terjadilah

suatu riwayat yang sangat-sangat menyedihkan di bangunan mahkamah

itu iaitu suatu perbuatan yang sangat sedih di dalam mana

Nadrah dengan serta merta memaut ibu angkatnya lalu tidak mau melepaskannya dengan air mata dan raungan yang menjadikan orang-orang yang melihat itu bukannya sahaja berasa sedih tetapi mengeluarkan air mata kerana mereka itu menimbang rasa kepada penanggungan-penanggungan yang diderita oleh kedua-dua mereka itu iaitu akan diceraikan pada hal mereka telah berperasaan sebagai ibu dengan anak. Setelah berita-berita yang sedemikian ini tersebar di dalam akhbar-akhbar maka perasaan timbang rasa telah diberi bukan sahaja oleh penduduk Singapura tetapi juga oleh orang-orang di lain-lain tempat di Semenanjung Tanah Melayu ini. Dengan kejadian ini maka berita tentang kejadian Nadrah itu menjadi suatu berita yang sangat mengemparkan.

Bagi memandang kejadian yang hebat ini maka Tuan MA Majid telah mengambil perhatian yang istimewa lalu memimpin Che Aminah yang dengannya tiga hari kemudian terdengarlah bahawa Che Aminah menuntut ulung cara kepada



Nadrah bersama-sama dengan ibu angkatnya Che Aminah

keputusan itu dalam masa itulah beberapa buah Persekutuan Islam di sini mengadakan mesyuarat-mesyuarat yang tergeper dengan sulit bagi menentukan yang mereka itu akan menyokong perkara Nadrah itu apabila dikehendaki walaupun sekiranya mereka meminta ulang cara sehingga kepada pergi Konsul oleh kerana yang demikian menjadi kewajipan mereka tetapi yang mengelolakan pada masa itu Tuan Majid adalah dikatakan menyanggupi kesemuanya dan yang demikian permintaan ulang cara pun diadakan yang akhirnya Nadrah diserahkan semula kepada Che Aminah dengan alasan bahawa Konsul Belanda itu (yang menuntut pada masa itu) tidak mempunyai suatu surat kuasa daripada kedua-dua ibu bapanya untuk mendatangkan tuntutan itu - tuntutan yang didatangkan hanyalah sebagai sifatnya wakil kerajaan Belanda di negeri ini yang tidak dapat digunakan di dalam perkara yang tersebut itu

Dengan keputusan ini bermakna bahawa terbuka lagi kepada kedua-dua ibu bapa mereka itu bagi mendatangkan tuntutannya dan di sini terletaklah suatu ketentuan bahawa mahkamah telah memberi timbang rasanya lalu meletakkan kepercayaan kepada Che Aminah bagi mengawal anak itu. Menurut fikiran ahli undang-undang bahawa langkah mahkamah itu sebagai suatu percubaan meletakkan kepercayaan kepadanya iaitu adakah Che Aminah boleh bertanggungjawab kepada Nadrah itu atau tidak. Tetapi lebih kurang tiga hari sesudah Nadrah dibalikkan kepada Che Aminah lalu di bawa ke tempat tumpangnya di rumah Tuan Majid maka suatu berita yang sebagai “bom” lakunya telah tersiar menyatakan bahawa Nadrah telah berkahwin dengan A. Mansor Adabi dengan kesukaannya sendiri.

Dengan kerana terbit berita ini maka berbagai-bagai fikiran telah terbit dan berbagai-bagai masalah telah timbul. Menurut kad pengenalan Nadrah umurnya 14 tahun 5 bulan tetapi menurut surat beranak yang di bawa oleh konsul Belanda adalah menunjukkan ia beranak pada 23 Mac 1937 yang menjadikan

umurnya baharu 13 tahun 5 bulan. Menurut undang-undang negeri ini bahawa seseorang perempuan boleh dikahwinkan oleh pengawalnya (ibu bapanya) dalam umurnya 13 tahun tetapi seseorang perempuan itu boleh berkahwin mengikut kesukaannya sendiri dalam umurnya 21 tahun tetapi undang-undang ini tidak berjalan kepada orang-orang Islam dan mengikut keadaan Nadrah sekarang menurut umurnya kahwinnya dengan A Mansor Adabi itu sah tidak dapat dipecahkan.

Di sinilah menjadi suatu perkara yang rumit sekali dan inilah juga yang menjadi sebahagian daripada mereka-mereka yang menimbang rasa kepada Che Aminah itu telah tidak berpuas hati kepada angkara yang tersebut sebab maklumlah di dalam negeri yang terbuka dan moden sekarang perkahwinan di dalam umur yang muda itu adalah sangat-sangat dibantah terutamanya pula di dalam keadaan Nadrah yang keadaan perbicaraannya pada masa ini masih di awang-awang sahaja kerana keputusan mahkamah ulang cara itu masih membukakan lagi suatu peluang kepada ibu bapanya mendatangkan tuntutan ke atas dirinya.

Tidaklah saya ketahui adakah langkah mengkahwinkannya itu sebagai suatu langkah untuk melepaskan cengkaman kedua-dua ibu bapanya ke atas Nadrah ataupun perbuatan itu dengan kerana sukanya sendiri. Dengan adanya perkahwinan ini hingga masa menulis ini saya tidak mengetahui bagaimanakah kelak duduknya perkara Nadrah itu adakah ia akan dipaksa dengan tidak kemahuannya diserahkan kepada ibu bapanya atau adakah pihak yang menuntut itu kelak menimbang rasa ke atas kedua-dua ibu angkat dan anak angkatnya itu yang telah berikat roh mereka itu seolah-olah menjadi satu - tidak dapat dipisahkan dan jika dipisahkan juga harus kelak akan membawa merbahaya kepada salah satu jiwa mereka itu. Atas perkara yang demikian ini hendaknya undang-undang tidak akan mengikat kepadanya tetapi yang mengikatnya ialah perasaan yang sepenuh-penuh timbang rasa diberi kepada mereka itu adanya.